



## PELAKSANAAN IJTIHAD KOLEKTIF DI MALAYSIA

(*Implementation Of Collective Ijtihad In Malaysia*)

‘Adnin Ibrahim<sup>1\*</sup>, Ashlah Ibrahim<sup>2</sup>, Abd Munir Mohamed Noh<sup>1</sup>, Ahmad Bakhtiar Jelani<sup>1</sup>, Saidi Adnan Mohd Noor<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah,  
35400 Tapah Road, Perak, Malaysia

<sup>2</sup> Centre for Fundamental Studies, Management and Science University, Universiti Drive, Off Persiaran Olahraga, Seksyen 13,  
40100 Shah Alam, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: [adninibrahim@uitm.edu.my](mailto:adninibrahim@uitm.edu.my)

Received: 1 November 2019 • Accepted: 19 November 2019 • Published: 30 Disember 2019

### Abstract

*Collective Ijtihad (Ijtihad Jama'i) is determination and diligence on every effort with the effort of a group of fuqaha to issue a syariah law in any case. It is a mechanism to issue a great contemporary law so that the law making decision can be done in keeping with world current developments. Therefore, the objective of this study is to analyze the implementation of collective ijtihad in Malaysian context for the State Council of Islamic Affairs Fatwa Committee and National Council of Islamic Affairs Fatwa Committee (JFKM). This study use the qualitative methods which library data is used as well as inductive and deductive information analysis. The results show that the procedure of implementing jurisprudence of collective ijtihad varies by state. This is because, the expertise and the manner of issuing the State Council of Islamic Affairs Fatwa Committee (Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri) are bound by their respective state enactments. Other than that, the collective ijtihad at the federal level which is Fatwa Committee National Council (JFKM) plays a major role in coordinating the state's fatwa.*

**Keywords:** *Collective Ijtihad, Ijtihad Jama'i, Fatwa*

### Abstrak

Ijtihad kolektif (Ijtihad Jama'i) ialah kesungguhan dan pengerahan segala usaha serta upaya sekumpulan fuqaha untuk mengeluarkan sesuatu hukum syarak dalam sesuatu permasalahan. Ia merupakan mekanisme pengeluaran hukum kontemporari yang baik agar pengeluaran hukum dapat dilakukan seiring dengan

perkembangan dunia semasa. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk menganalisis pelaksanaan ijтиhad kolektif dalam konteks Malaysia iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFKM). Kajian menggunakan kaedah kualitatif yang mana data-data perpustakaan digunakan serta analisis maklumat secara induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan prosedur pelaksanaan ijтиhad kolektif berbeza mengikut negeri. Ini kerana, keahlian dan cara mengeluarkan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri terikat dengan enakmen negeri masing-masing. Selain itu, ijтиhad kolektif di peringkat persekutuan iaitu JFKM berperanan utama untuk menyelaraskan fatwa-fatwa negeri.

**Kata kunci:** Ijtihad Kolektif, Ijtihad Jama'i, Fatwa

**Cite as:** Ibrahim, 'A., Ibrahim, A., Noh, A.M.M., Jelani, A.B., Noor, S.A.M. (2019). Implementation of Collective Ijtihad in Malaysia. *Asian People Journal*, 2(2), 58-69.

## PENDAHULUAN

Ijtihad merupakan mekanisme pengeluaran hukum oleh mujtahid terhadap sesuatu permasalahan baharu yang timbul. Secara terminologinya, ijтиhad menurut Sayfuddin al-Amidi (2003) ialah mencurahkan segala tenaga dan usaha sehingga merasakan diri tidak mampu lagi berbuat lebih daripada usaha tersebut untuk mendapatkan *zann* sesuatu hukum syarak. Dengan mekanisme ijтиhad ini menjadikan Islam agama yang dinamik dan relevan sehingga ke hari ini.

Hukum berijтиhad ialah fardhu kifayah berdasarkan ayat 59 daripada Surah al-Nisa' dan Hadis perbualan Nabi Muhammad SAW ketika menghantar Saidina Mu'az ke Yaman. Ijtihad terbukti mampu memberi jawapan terhadap pelbagai persoalan sosial, ekonomi, dan politik umat Islam. Dari aspek sosial misalnya, ijтиhad terbukti mampu menjawab pelbagai permasalahan sosial seperti hukum menggugurkan kandungan, bayi tabung uji, eutanasia, pembedahan tukar jantina dan pengklonan (Maksudin, 2009). Tambahan pula, ijтиhad yang dilaksanakan oleh Majelis Tarjih Muhammadiyah telah berjaya memurnikan akidah masyarakat Indonesia daripada perkara-perkara syirik dan khurafat serta *bid'ah*, menuntun ibadah yang selari dengan pedoman al-Sunnah serta amalan ibadah-ibadah sosial terus digerakkan sesuai dengan ajaran Islam. Muhammadiyah berpendapat bahawa terdapat pelbagai permasalahan terkini akibat dari kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang perlu diselesaikan melalui pendekatan yang komprehensif dan pemahaman al-Qur'an dan al-Sunnah yang mendalam (Alimuddin, 2015). Dari aspek politik pula, ijтиhad tidak ketinggalan memberi kesan yang besar terhadap perubahan politik dunia Islam di sepanjang lipatan sejarah seperti ijтиhad dalam pelantikan khalifah dan kewujudan kementerian baharu serta jawatan baharu dalam pentadbiran negara (Zahratul Idami, 2011). Selain itu, ijтиhad turut memberi penyelesaian terhadap pelbagai permasalahan ekonomi seperti ijтиhad terhadap produk-produk perbankan, sekuriti, takaful, perdagangan elektronik dan lain-lain (Amir Mu'allim & M. Roem Syibly, 2011).

### Konsep Ijtihad Kolektif

Ijtihad boleh dibahagikan kepada dua kategori. Kategori yang pertama ialah ijтиhad secara individu atau *ijтиhad fardi* dan kategori yang kedua ialah ijтиhad secara kolektif atau *ijтиhad jama'i*. Ijtihad secara individu bererti

kesungguhan dan pengerahan segala usaha seorang mujtahid dalam mengeluarkan hukum syarak daripada dalilnya ('Abd al-Nasir Tawfiq al-'Attar, 1996). Ijtihad kolektif pula bererti kesungguhan dan pengerahan segala usaha serta upaya sekumpulan fuqaha untuk mengeluarkan sesuatu hukum syarak dalam sesuatu permasalahan. Ijtihad kolektif merupakan salah satu mekanisme mengeluarkan fatwa. Oleh itu, ijtihad kolektif ialah mekanisme dan fatwa ialah natijah daripada mekanisme tersebut (Said Muhyiddin, t.th).

Ijtihad kolektif mula dilaksanakan pada pemerintahan khalifah Saidina Abu Bakar RA dan Saidina Umar RA dalam menyelesaikan permasalahan baharu yang tidak terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, mereka akan mengumpulkan para sahabat untuk berbicang bagi mendapatkan jawapan terhadap permasalahan tersebut. Syura yang dilaksanakan oleh para sahabat ini merupakan asas terhadap konsep ijtihad kolektif ('Abd al-Nasir Tawfiq al-'Attar, 1996).

Namun, terdapat beberapa perbezaan antara pelaksanaan ijtihad kolektif pada zaman Saidina Abu Bakar RA serta khulafa' al-rasyidin yang lain dengan ijtihad kolektif yang dilaksanakan pada masa kini. Perbezaan yang pertama ialah pelaksanaan ijtihad kolektif pada zaman khulafa' al-rasyidin dilakukan secara spontan apabila terdapat sesuatu permasalahan yang ingin diselesaikan, manakala ijtihad kolektif kini dilaksanakan dengan menjemput ahli tertentu pada masa dan tempat tertentu untuk membincangkan permasalahan tertentu. Perbezaan kedua ialah bilangan yang menyertai perbincangan ijtihad kolektif pada zaman khulafa' al-rasyidin adalah sahabat yang berada pada masa tersebut sahaja dan bilangan mereka tidak ditentukan, manakala bilangan yang menyertai ijtihad kolektif kini adalah tetap dan ditentukan (Aznan Hassan, 2003). Tambahan pula, Ahmad al-Raisuni (t.th) telah merumuskan empat bentuk pelaksanaan ijtihad kolektif kini:

Pertama: Organisasi fiqh yang berasaskan benua. Organisasi ini terdiri daripada mujtahid-mujtahid yang tertentu dari pelbagai negara berasaskan benua dan mempunyai pelbagai latar belakang mazhab. Mereka mendiskusikan permasalahan yang dilontarkan dan memutuskan pendapat yang disepakati oleh semua atau majoriti. Contohnya, *Majma' al-Fiqh al-Islami Jeddah*, *Majma' al-Buhuth al-Islamiyah al-Azhar*, Persidangan Fiqh Amerika Utara dan Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah.

Kedua: Organisasi fiqh yang berasaskan negara. Organisasi ini terdiri daripada ulama sesebuah negara atau satu mazhab yang sama. Contohnya, *majma' al-fiqhi* dan institusi-institusi fatwa negara Islam.

Ketiga: Himpunan sebilangan ulama daripada sebuah negara atau pelbagai negara untuk membincangkan sesuatu permasalahan dan menyatakan keputusan terhadap permasalahan tersebut. Contohnya, konferensi dan persidangan yang dianjurkan oleh institusi penyelidikan atau universiti.

Keempat: Seorang atau sebilangan ulama mengeluarkan fatwa kemudian membentangkan kepada sekumpulan ulama untuk dibahaskan dan dibincangkan, lalu memurnikan pendapat tersebut berasaskan perbincangan itu.

Ijtihad kolektif di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia boleh dikategorikan di bawah kategori kedua iaitu organisasi fiqh berasaskan negara.

### **Ijtihad Kolektif Di Malaysia**

Sebelum kemerdekaan negara Malaysia, permasalahan berkaitan agama akan dirujuk kepada alim ulama secara persendirian (Hasnan Kasan, 2001). Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, peranan Mufti serta Timbalan

Mufti telah diperkuuhkan dan mereka dilantik secara rasmi sebagai seorang penjawat awam yang berfungsi untuk memberi nasihat mengenai hukum-hukum agama Islam kepada pihak Sultan.

Selain itu, Mufti turut mempengaruhi Jawatankuasa Fatwa Negeri yang berfungsi sebagai institusi yang berkuasa untuk mengeluarkan fatwa di Malaysia (Magaji Chiroma et.al., 2014). Maka, fatwa tidak lagi dikeluar berasaskan pendapat peribadi malah wujud perbincangan oleh Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri terhadap sesuatu permasalahan sebelum dikeluarkan fatwa dan ini dinamakan ijtihad kolektif. Justeru, Malaysia mempunyai 14 orang mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri yang mewakili 14 buah negeri (Muhammad Ikhlas et al., 2013).

Selain jawatankuasa fatwa peringkat negeri, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) ialah jawatankuasa fatwa yang melaksanakan ijtihad kolektif di peringkat kebangsaan.

### **Pelaksanaan Ijtihad Kolektif Di Peringkat Majlis Agama Islam Negeri**

Menurut Perlembagaan Malaysia Jadual Kesembilan, kuasa agama adalah milik Kerajaan Negeri termasuk perkara-perkara berhubung dengan hukum syarak dan pengeluaran fatwa (Kamarudin Ahmad, 2002). Oleh itu, prosedur mengeluarkan fatwa, pelantikan Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa mestilah mengikut ketetapan yang termaktub dalam Enakmen-Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (Hasnan Kasan, 2001).

Jadual 1: Nama Jawatankuasa Fatwa Mengikut Negeri

Jawatankuasa Fatwa Negeri	Negeri
Jawatankuasa Fatwa	Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu
Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Jamaah Ulama'	Pahang
Majlis Fatwa Negeri	Kelantan
Lembaga Fatwa	Sabah
	Sarawak

Cara perlantikan mufti bagi setiap negeri adalah sama iaitu perlantikan yang dibuat oleh Sultan kecuali negeri Melaka, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Mufti tiga negeri tersebut dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong setelah mendapat persetujuan dan cadangan daripada Majlis Mesyuarat Negeri atau Yang di-Pertua Negeri (Hasnan Kasan, 2006).

Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri berperanan melaksanakan ijtihad kolektif dan membantu Jabatan Mufti mengeluarkan sesuatu fatwa bagi pihak kerajaan negeri. Ianya tertakluk di bawah kanun dalam enakmen, ordinan atau akta yang ada pada peringkat negeri masing-masing di Malaysia (Zulfaqar Mamat et al., 2013).

Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri dipanggil dengan nama Jawatankuasa Fatwa seperti yang termaktub dalam enakmen-enakmen negeri. Namun, terdapat perbezaan panggilan nama bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pahang, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Bagi Negeri Pahang jawatankuasa tersebut dinamakan dengan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, Jamaah Ulama' bagi Negeri Kelantan, Majlis Fatwa Negeri bagi Negeri Sabah dan Lembaga Fatwa bagi Negeri Sarawak.

Jadual 2: Keahlian Jawatankuasa Fatwa di Negeri-Negeri

1. Perlis	8 orang	Mufti, Timbalan Mufti, enam orang Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang terdiri daripada tiga orang anggota Majlis dan seorang pegawai Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
2. Pulau Pinang	7 orang hingga 12 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Mufti dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
3. Kedah	7 orang hingga 11 orang	Mufti, Timbalan Mufti, tiga orang anggota Majlis dan tidak kurang daripada dua atau lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Sultan atas nasihat Mufti.
4. Perak	8 orang hingga 11 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis yang arif mengenai hukum syarak, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Perak dan sekurang-kurangnya dua orang tetapi tidak lebih daripada lima orang daripada alim ulama yang mahir dalam hukum syarak dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis sebagai setiausaha.
5. Selangor	8 orang hingga 14 orang	Mufti, Timbalan Mufti, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, dua orang anggota Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syarak, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
6. Negeri Sembilan	8 orang hingga 14 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, seorang Pegawai Hal Ehwal Agama Islam yang dilantik oleh Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lapan orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
7. Melaka	7 orang hingga 12 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha yang dilantik oleh Majlis.
8. Johor	7 orang hingga 10 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lima orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha yang dilantik oleh Majlis.
9. Pahang	6 orang hingga 10 orang	Mufti, dua orang ahli Majlis, seorang pegawai daripada Jabatan Agama Islam Pahang yang dilantik oleh Majlis dan sekurang-kurangnya dua orang, tidak lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Majlis.
10. Terengganu	8 orang hingga 10 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada lima orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis.

---

11. Kelantan	10 orang hingga 17 orang	Mufti, Timbalan Mufti dan tidak kurang daripada lapan orang tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli.
12. Sabah	8 orang hingga 12 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Pejabat Mufti yang dilantik oleh Majlis.
13. Sarawak	5 orang hingga 9 orang	Mufti dan tidak kurang daripada empat orang dan tidak lebih daripada lapan orang anggota yang diterima oleh Majlis.

---

Tambahan pula, keahlian Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri adalah berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain. Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis (2006) bahagian tiga seksyen 46, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis hendaklah terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, enam orang Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang terdiri daripada tiga orang anggota Majlis dan seorang pegawai Jabatan Mufti sebagai setiausaha. Bagi negeri Pulau Pinang pula, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2004). Ia adalah pada bahagian tiga seksyen 46 yang menyatakan bahawa jawatankuasa hendaklah terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Mufti dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha. Di negeri Kedah pula, keahlian Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah merujuk kepada Enakmen Mufti dan Fatwa Negeri Kedah Darul Aman (2008) bahagian tiga seksyen 11, keahlian Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, tiga orang anggota Majlis dan tidak kurang daripada dua atau lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang maha Mulia Sultan atas nasihat Mufti.

Keahlian Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak pula terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis yang arif mengenai hukum syarak, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Perak dan sekurang-kurangnya dua orang tetapi tidak lebih daripada lima orang daripada alim ulama yang mahir dalam hukum syarak dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis sebagai setiausaha. Ini adalah merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (2004). Di Selangor, merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003) seksyen 46, keahlian Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, dua orang anggota Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syarak, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha.

Selain itu, di Negeri Sembilan menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan (2003), Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, seorang Pegawai Hal Ehwal Agama Islam yang dilantik oleh Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lapan orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha. Bagi negeri Melaka pula, dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka (2002) seksyen 34 menyatakan bahawa Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha yang dilantik oleh Majlis.

Tambahan pula, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003) bahagian tiga fasal 46 menyatakan bahawa Jawatankuasa Fatwa hendaklah terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lima orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha yang dilantik oleh Majlis. Menurut Jawatankuasa Fatwa

Negeri Pahang daripada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, seksyen 39 menyatakan bahawa keahlian Jawatankuasa Fatwa hendaklah terdiri daripada Mufti, dua orang ahli Majlis, seorang pegawai daripada Jabatan Agama Islam Pahang yang dilantik oleh Majlis dan sekurang-kurangnya dua orang, tidak lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Majlis. Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada lima orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis. Ini adalah dirujuk dari Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu (2001).

Keahlian Jamaah Ulama' Negeri Kelantan merujuk kepada Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994) iaitu terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti dan tidak kurang daripada lapan orang tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli. Keahlian Jawatankuasa Fatwa bagi negeri Sabah pula merujuk kepada Enakmen Fatwa Negeri Sabah (2004) iaitu keahlian Jawatankuasa Fatwa hendaklah terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Pejabat Mufti yang dilantik oleh Majlis. Dalam pada itu, keahlian Jawatankuasa Fatwa bagi negeri Sarawak terdiri daripada Mufti dan tidak kurang daripada empat orang dan tidak lebih daripada lapan orang anggota yang diterima oleh Majlis (Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001).

Dapat disimpulkan bahawa Jawatankuasa Fatwa mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan dari sudut keahlian Jawatankuasa Fatwa. Terdapat persamaan Ahli Jawatankuasa Fatwa bagi negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Sabah iaitu kesemua Jawatankuasa Fatwa tersebut terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis dan pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha. Namun, kesemua Jawatankuasa Fatwa tersebut mempunyai beberapa perbezaan seperti perbezaan bilangan orang yang dilantik oleh Majlis atau Mufti sebagai ahli jawatankuasa selain Mufti. Terdapat Jawatankuasa Fatwa yang menjadikan pegawai dari Jabatan Agama Islam Negeri sebagai seorang daripada ahli jawatankuasa seperti negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan dan Pahang. Negeri Selangor pula merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor sebagai salah seorang ahli jawatankuasa. Berbeza pula bagi negeri Perlis, Kedah, Pahang, Kelantan dan Sarawak di mana setiap satunya mempunyai pola pemilihan ahli jawatankuasa yang tidak seragam seperti Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri di atas. Misalnya negeri Kelantan dan Sarawak hanya memilih beberapa orang tanpa mengikat kepada mana-mana pegawai dari jabatan tertentu untuk dijadikan sebagai ahli jawatankuasa selain daripada Mufti dan Timbalan Mufti. Di Perlis pula memilih beberapa orang Ahli Sunnah Wal Jama'ah sebagai ahli jawatankuasa. Bagi negeri Kedah, hanya menyatakan ahli Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada tiga orang anggota Majlis dan tidak kurang daripada dua atau lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Sultan atas nasihat Mufti. Di Pahang hanta dinyatakan sekurang-kurangnya dua orang, tidak lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Majlis sebagai ahli jawatankuasa.

Seterusnya, prosedur mengeluarkan fatwa juga terikat dengan enakmen-enakmen negeri. Di Perlis, Perak, Selangor, Johor dan Terengganu, apabila Jawatankuasa Fatwa bercadang hendak membuat fatwa maka Mufti hendaklah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi membincangkan fatwa yang dicadangkan tersebut. Selain itu, sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh meminta untuk diadakan kajian serta disediakan kertas kerja. Seterusnya, fatwa yang disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa tersebut hendaklah dikemukakan oleh Mufti bagi pihak Jawatankuasa fatwa kepada Majlis. Setelah Majlis menimbang teliti fatwa itu, Majlis boleh membuat syor kepada Sultan untuk mendapatkan perkenannya bagi pewartaan fatwa itu. Apabila

fatwa itu telah diperkenankan oleh Sultan, Majlis hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah disiarkan fatwa itu dalam Warta (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis, 2006; Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, 2003; Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, 2003; Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak, 2004; Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, 2001).

Di Pulau Pinang dan Melaka pula, sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh meminta untuk diadakan kajian serta disediakan kertas kerja. Seterusnya, Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa untuk dilaksanakan ijтиhad kolektif bagi membincangkan fatwa tersebut. Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti atas nama Jawatankuasa Fatwa hendaklah membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan baginda bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang, 2004; Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka, 2002). Berbeza bagi Negeri Sembilan, syor hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa kepada Yang di-Pertuan Besar untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta. Apabila fatwa telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Besar, Jawatankuasa fatwa hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan sesudah itu fatwa itu akan disiarkan dalam Warta (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan, 2003).

Dalam pada itu di Kedah, sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa, Mufti boleh meminta untuk dijalankan satu kajian dijalankan oleh Pegawai Penyelidik serta mengarahkan untuk disediakan satu kertas kerja. Setelah itu, Mufti boleh memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi tujuan membincangkan fatwa yang dicadangkan itu. Mufti hendaklah mendapat perkenan Sultan sebelum apa-apa fatwa disiarkan dalam Warta (Enakmen Mufti dan Fatwa Negeri Kedah Darul Aman, 2008). Di Kedah dinyatakan peranan Pegawai Penyelidik dalam melakukan penyelidikan dan Mufti akan memohon perkenan kepada Sultan secara terus tanpa perantaraan Majlis.

Di Sabah, setelah Mufti mengemukakan fatwa bagi pihak Majlis Fatwa Negeri kepada Majlis dan fatwa tersebut telah diteliti oleh Majlis, maka Majlis membuat syor kepada Yang Di-Pertua Negeri untuk mendapatkan perkenan bagi pewartaan fatwa tersebut. Setelah diperkenan Yang Di-Pertua Negeri, Majlis Fatwa Negeri hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri dan fatwa tersebut hendaklah disiarkan dalam warta (Enakmen Fatwa Sabah, 2004).

Di Pahang, Apabila Mufti bercadang hendak membuat fatwa, dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan persoalan yang hendak diberi fatwa itu. Jawatankuasa hendaklah menimbang cadangan tersebut dan hendaklah menyediakan satu draf fatwa mengenainya dan jika draf fatwa itu diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa, Mufti boleh membuat fatwa menurut perbincangan. Selain itu, sebelum Mufti bercadang membuat fatwa, dia boleh mengarahkan suatu kajian dibuat dan kertas kerja disediakan (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang, 1991). Dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang dinyatakan mengenai draf fatwa setelah dilaksanakan perbincangan dan ahli Jawatankuasa bersetuju dengan draf tersebut.

Di Kelantan pula, Jamaah Ulama' hendaklah menimbang tiap-tiap permintaan fatwa dan menyediakan satu draf fatwa bagi tujuan mengenainya. Jika draf fatwa itu dipersetujui sama ada secara sebulat suara atau secara suara terbanyak daripada kalangan ahli Lujnah Fatwa maka Pengurus bagi pihak Majlis hendaklah mengeluarkan fatwa. Jika masalah yang dikemukakan oleh orang ramai atau pihak-pihak tertentu tidak dapat diselesaikan dengan

fatwa mengikut cara-cara tersebut, maka Jamaah Ulama' hendaklah merujuk masalah tersebut kepada Majlis yang akan mengeluarkan fatwanya dengan berpandukan kepada pandangan dan pendapat mufti. Dengan sebab-sebab khusus, Majlis boleh membawa masalah-masalah yang ada kepada Sultan untuk mendapat penentuan Baginda (Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994).

Di Sarawak, sebaik sahaja menerima permintaan fatwa, Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengemukakan permintaan itu kepada Mufti. Jika Mufti berpuas hati bahawa fatwa yang diminta itu adalah berkaitan dengan perkara mengenai Undang-Undang Islam atau amalan agama Islam yang menarik minat atau menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat Islam di dalam Negeri atau mana-mana bahagian daripadanya, maka akan dijalankan suatu kajian mengenai isu yang dibangkitkan untuk membolehkan Lembaga Fatwa meneliti mengenainya. Jika Lembaga Fatwa memutuskan bahawa fatwa yang dicadangkan itu patut dikemukakan kepada Majlis untuk pertimbangannya, maka Lembaga Fatwa hendaklah mengemukakan pendapat bertulisnya mengenai fatwa itu kepada Majlis. Sekiranya Majlis memutuskan, sama ada atas daya usahanya sendiri atau menurut suatu permintaan yang dibuat oleh seseorang bahawa sesuatu fatwa patut dikeluarkan, maka Majlis hendaklah, melalui Setiausaha Kerajaan Negeri, menghantar keputusannya itu kepada Yang di-Pertua Negeri untuk mendapat persetujuannya. Sebaik sahaja persetujuan Yang di-Pertua Negeri didapati mengenai pengeluaran fatwa, Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam Warta. Dapat disimpulkan bahawa pada setiap enakmen negeri diyatakan untuk mengadakan perbincangan di kalangan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam mengeluarkan fatwa. Maka, mekanisme ijтиhad kolektif digunakan oleh setiap negeri di Malaysia sebagai salah satu cara dalam mengeluarkan fatwa.

### **Pelaksanaan Ijtihad Kolektif Di Peringkat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (Jfkm)**

Ijtihad kolektif turut dilaksanakan di peringkat Persekutuan. Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) selaku agensi kerajaan Persekutuan melalui Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) menubuhkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFKM) pada tahun 1970 sebagai salah satu medan ijтиhad kolektif (JAKIM, 2019). Tugas JFK boleh difahami dalam Seksyen 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia:

Tugas Jawatankuasa Fatwa ini ialah menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan Agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini hendaklah mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis yang akan menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja.

JFKM juga berperanan bagi menyelaras dan menyeragamkan fatwa di negeri-negeri serta mengeluarkan fatwa bagi persekutuan dengan membangunkan proses ijтиhad kolektif (Muhammad Fathullah al-Haq & Jasni, 2017; Muhammad Ifzal Mehmood et al., 2015). Selain itu, JFKM memainkan peranan mengeluarkan fatwa mewakili beberapa bidang kuasa persekutuan yang tidak disenaraikan di bawah bidang kuasa negeri seperti seperti bidang jenayah, kewangan dan hubungan antarabangsa (Muhammad Ikhlas Rosele, 2017).

JFK terdiri daripada seorang pengurus yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Islam (MKI) di kalangan ahlinya iaitu kini (2019) disandang oleh Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh , Mufti kesemua 14 negeri Malaysia yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam hal ehwal agama Islam, lima orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar muslim yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja dan seorang ahli yang beragama Islam dari perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau dari profesion

undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja ( JAKIM, 2019). JFKM merupakan satu badan yang menyatakan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dalam membincangkan sesuatu isu hukum. Tambahan pula, di dalam JFKM tidak wujud jawatan mufti yang boleh dianggap sebagai mufti diperingkat kebangsaan seumpama Arab Saudi, Mesir, Syria, Oman dan selainnya bahkan yang hanya wujud ialah pengerusi JFKM (Muhammad Ikhlas Rosele, 2017). Sebagai sebuah institusi pengeluar hukum atau fatwa, jawatankuasa ini mempunyai dua cara pengeluaran fatwa. Cara yang pertama ialah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI dan cara yang kedua ialah melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI (JAKIM, 2019).

Cara yang pertama iaitu melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI adalah ijтиhad jama'i yang dilakukan atas arahan Majlis Raja-Raja untuk dikeluarkan sesuatu fatwa. Manakala prosedur pengeluaran fatwa melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dimulakan dengan permohonan yang dikemukakan kepada setiausaha Jawatankuasa Fatwa untuk dikeluarkan fatwa, lalu disemak terlebih dahulu oleh pegawai di Bahagian Penyelidikan JAKIM. Sekiranya fatwa mengenai perkara tersebut telah dikeluarkan sebelum ini maka fatwa tersebut akan dikemukakan kepada pihak yang bertanya. Jika fatwa mengenai perkara tersebut belum dikeluarkan oleh JFKM maka para pegawai di Bahagian Penyelidikan JAKIM akan menyiapkan kertas kajian berkenaan perkara tersebut untuk dibentangkan dalam mesyuarat Panel Kajian Syariah (PKS). Jika perkara yang dibincangkan tidak rumit maka fatwa akan diputuskan selepas pembentangan kertas kajian dalam mesyuarat PKS. Namun jika ahli ahli PKS berpendapat isu memerlukan pandangan yang lebih luas dan bersifat umum maka ia akan dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Hasil analisa PKS akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa untuk dipertimbang dan diperhalusi. Setiap ahli Jawatankuasa Fatwa akan membuat rujukan masing-masing sebelum muzakarah diadakan. Setelah ahli muzakarah mengemukakan pandangan masing-masing dan dibincangkan, keputusan akan dibuat sama ada sebulat suara bersetuju terhadap satu pendapat atau majoriti dua per tiga ahli sekiranya tidak mendapat kata sepakat. Seterusnya keputusan tersebut akan dikemukakan kepada MKI dan akan dipersembahkan kepada majlis Raja-Raja untuk diperkenan dan diumumkan (Mohd Nazri, 2004; Noor Munirah, 2013).

Jadual 3 menunjukkan jumlah fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI mengikut kategori sehingga tahun 2015. Sebanyak 41 fatwa dikeluarkan bagi kategori aqidah, 25 fatwa bagi kategori ibadah, 47 fatwa bagi kategori muamalat dan ekonomi, 46 fatwa bagi kategori perubatan, 27 fatwa mengenai zakat, 29 fatwa berkaitan dengan munakahat, 16 fatwa bagi kategori makanan dan minuman, 3 fatwa bagi kategori pakaian, 17 fatwa mengenai haiwan serta 79 fatwa mengenai sosial dan syariah. Jumlah keseluruhan fatwa yang diijtihadkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI sehingga tahun 2015 adalah sebanyak 330 fatwa (JAKIM, 2015).

**Jadual 3: Bilangan Fatwa Mengikut Kategori sehingga Tahun 2015**

Kategori Fatwa	Bilangan Fatwa
Aqidah	41
Ibadah	25
Muamalat dan Ekonomi	47
Perubatan	46
Zakat	27
Munakahat	29
Makanan dan Minuman	16
Pakaian dan Lain-Lain	3
Haiwan	17
Sosial dan Syariah	79

## KESIMPULAN

Ijtihad kolektif merupakan mekanisme utama dalam pengeluaran fatwa di institusi-institusi fatwa di seluruh dunia. Di Malaysia, terdapat dua institusi fatwa utama yang melaksanakan ijtihad kolektif iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri di peringkat negeri dan JFKM di peringkat persekutuan. Pelaksanaan ijtihad kolektif oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri terikat dengan enakmen negeri masing-masing. Maka, setiap Jawatankuasa Fatwa Negeri mempunyai perbezaan dari aspek keahlian dan prosedur pengeluaran fatwa.

Namun secara umumnya, kesemua negeri menggunakan ijtihad kolektif sebagai salah satu mekanisme dalam mengeluarkan fatwa. Selain itu, kewujudan JFKM di peringkat persekutuan pula berperanan untuk menyelaraskan fatwa-fatwa negeri dan mengeluarkan fatwa yang berkaitan isu yang tidak disenaraikan di bawah bidang kuasa negeri sebagai pelengkap kewujudan Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri. Tambahan pula, JFKM terikat dengan Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dari aspek tugas dan keahlian JFKM.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Nasir Tawfiq al-‘Attar. (1996). *Al-Ta’rif bi al-Ijtihad al-Jama’i. Persidangan al-Ijtihad al-Jama’i fi al-Alam al-Islami*. United Arab Emirates: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti United Arab Emirates. pp 28-40.
- Ahmad al-Raysuni. (2009) *al-Ijtihād al-Jamā’*. ed. 1. Arab Saudi, al-Majma’ al-Fiqhi al-Islami.
- Alimuddin. (2015). Urgensi Lembaga Ijtihad Muhammadiyah dan Perubahan Sosial. *Al-Risalah*, 15(2), 198-204.
- Amir Mu’allim & M. Roem Syibly. (2011). Urgensi Ijtihad Ekonomi pada Era Globalisasi. *UNISIA*. 75(33), 227-238.
- Aznan Hasan. (2003). An Introduction to Collective Ijtihad (Ijtihad Jama’i): Concept and Applications. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 20(2), 27-49.
- Enakmen Mufti dan Fatwa Negeri Kedah Darul Aman, (2008).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, (2003).
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, (1994).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka, (2002).
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang, (1991).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis, (2006).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang, (2004).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, (2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan, (2003).
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu, (2001).
- Enakmen Fatwa Negeri Sabah (2004)
- Hasnan Kasan. (2001). Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siyasah Syar’iyyah. *Jurnal Pengajian Umum*, 2(1), 37-64.
- Hasnan Kasan. (2006). Prosedur Mengeluarkan dan Menguatkuasa Fatwa di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 10(1), 1-19.
- JAKIM. (2019). Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar\\_belakang/penubuhan](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/penubuhan). Diakses pada 29 Oktober 2019.

- JAKIM. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Kamarudin Ahmad. (2002). Pembentukan Fatwa di Negeri Kedah. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 4&5, 129-139.
- Magaji Chiroma, Mahamad Arifin, Abdul Haseeb Ansari & Mohammad Asmadi Abdullah. (2014). The Concept of Fatwa (Islamic Verdict) in Malaysia and Constitutional Dilemma: A Legislation or Legal Opinion?. *International Journal of Business, Economics and Law*. 4(3), 11-20.
- Maksudin. (2009). Ijtihad Jama'i sebagai "Solusi" Permasalahan Sosial. *Jurnal Asy-Syir'ah*, 43(2). pp. 369-385.
- Mohd Nasir Asiabu (2004). *Penggunaan Maslahah dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa-Fatwa yang Dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia*. Universiti Malaya, 57-62.
- Muhammad Fathullah al-Haq & Jasni Sulong. (2017). Penyelarasan Fatwa antara Negeri-Negeri: Analisis Amalan dan Kaedah Penyeragamannya di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 9(1), 86-108.
- Muhammad Ifzal Mehmood, Siddiq Ali Chisti & Muhammad Junaid Mughal. (2015). Islamic Concept of Fatwa in Malaysia and Pakistan: The Relevance of Malaysian Fatwa Model for Legal System of Pakistan. *International Research Journal of Social Sciences*. 4(9), 1-9.
- Muhammad Ikhlas Rosele. (2017). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan di Malaysia: Peranan dan Relevansi Penuhuhannya. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 10(1), 89-100.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli & Luqman Haji Abdullah. (2013). Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*. 10(1), 31-56.
- Noor Munirah. (2013). *Etika Dalam Bioteknologi Moden: Kajian Ke Atas Respons Para Ilmuan Islam Terpilih Mengenai Garis Panduan Etika Islam*. Universiti Malaya, 197-200.
- Ordinan Majlis Islam Sarawak, (2001).
- Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, (1980).
- Said Muhyiddin. (t.th). al-Ijtihad al-Jama'i Wa Ahammiyatuhu fi al-Fiqh al-Islami.
- Sayfuddin al-Amidi. (2003). *al-Ihkam Fi Usul al-Ihkam*. Beirut: Darul Fikr.
- Zahratul Idami. (2011). Ijtihad dan Pengaruhnya Terhadap Perkembangan Ketatanegaraan dalam Sejarah Islam. *Kanun Jurnal Ilmu Hukum*. 55(13), 93-123.
- Zulfaqar Mamat, Mohd Nasran Mohamad & Hydzulkifli Hashim Omar. (2013). Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri: Satu Analisis Persamaan dan Perbezaan Fatwa Tahun 2000-2009. *IJMS*. 20(2), 145-166.